

3766/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

TINGKATAN 5 2020

PERNIAGAAN

Kertas 1

Oktober

1 ¼ jam

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu, **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik .*

Kertas soalan ini mengandungi halaman bercetak.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.


1. Gambar berikut berkaitan sejenis bentuk pemilikan.



Apakah kelebihan bentuk pemilikan tersebut?

- A Modal besar
- B Berkongsi kepakaran
- C Liabiliti terhad
- D Mudah diurus

2. Carta berikut berkaitan prosedur mendaftarkan perniagaan.



Apakah langkah II ?

- A Mengisi borang carian nama
- B Membuat pembayaran
- C Mengisi Borang A
- D Menghantar borang kepada SSM

3. Antara yang berikut, kaedah manakah yang digunakan oleh organisasi bukan bermotif untung (OBBU) untuk menjalankan perniagaan?

- I. Secara percuma
- II. Jualan secara lelong
- III. Jualan pada harga kos
- IV. Jualan pada harga di atas kos

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

4. Pilih pernyataan benar tentang Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad.

	Syarikat Sdn. Bhd	Syarikat Awam Bhd.
A	Hal ehwal kewangan diumumkan	Hal ehwal syarikat dirahsiakan
B	Bilangan pemegang syer tidak terhad	Bilangan pemegang syer terhad
C	Syer boleh dijual kepada orang ramai	Syer dijual kepada sekumpulan individu tertentu
D	Syer boleh dipindah milik dengan kebenaran	Syer boleh dipindah milik dengan bebas

5. Maklumat di bawah berkaitan rakan kongsi, Encik Malik.

Encik Malik ialah rakan kongsi kepada sebuah restoran bersama Encik Halim. Beliau tiada masa untuk terlibat dalam hal ehwal perniagaan restoran, memandangkan beliau sibuk dengan tugas sebagai pengurus di sebuah syarikat pembinaan.


Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A. Rakan kongsi aktif
- B. Rakan kongsi lelap
- C. Rakan kongsi berhad
- D. Rakan kongsi nominal

6. Kriteria manakah yang digunakan untuk menentukan saiz perniagaan?

- I Modal yang dimiliki
 - II Bilangan pekerja
 - III Jumlah jualan tahunan
 - IV Jumlah bahan mentah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7. Rajah berikut berkaitan jenis skala perniagaan.



Apakah X ?

- A Zon
- B Global
- C Domestik
- D Antarabangsa

8. Pernyataan di bawah tentang maksud satu huraihan strategi analisis SWOT.

Persekutuan luaran peniaga yang boleh menjelaskan perkembangan perniagaan seperti bencana alam yang boleh menyebabkan sumber bahan mentah rosak dan terjejas.

Apakah strategi tersebut?

- A Kekuatan (*Strengths*)
- B Peluang (*Opportunity*)
- C Kelemahan (*Weakness*)
- D Ancaman (*Threats*)

9. Apakah kepentingan visi kepada perniagaan?

- A Membantu perniagaan membuat perancangan
- B Menentukan hala tuju yang ingin dicapai oleh perniagaan
- C Mengenal pasti tujuan penubuhan sesebuah perniagaan
- D Menyediakan satu asas bagi memperuntukan sumber organisasi

10. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif perniagaan?

- A Untung Kasar
- B Rugi Bersih
- C Belian bahan
- D Titik Pulang Modal

11. Antara berikut yang manakah kesan kepada perniagaan sekiranya gagal mencapai objektif?

- I. Jualan merosot
 - II. Imej terjejas
 - III. Menghentikan pembayaran balik hutang
 - IV. Menghentikan pembelian bahan mentah atau barang niaga
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

12. Butiran manakah diklasifikasikan sebagai kos tetap?

- A. Insurans kedai
- B. Belanja alat-alat kecil
- C. Upah pekerja produktif
- D. Kos belian bahan mentah

13. Mengapakah bahagian fungsian adalah penting bagi sesebuah organisasi perniagaan?

- A. Melatih lebih ramai pekerja
- B. Memperoleh keuntungan yang banyak
- C. Memaksimumkan kos pengeluaran
- D. Mewujudkan pengkhususan dalam bidang tugas


14. Maklumat berikut berkaitan dengan kos bagi pengeluaran 30 000 unit pakaian.

	RM
Kos Tetap	360 000
Bahan Langsung	150 000
Buruh Langsung	120 000

Apakah titik pulang modal bagi pengeluaran pakaian itu sekiranya harga jualan ialah RM 15 seunit?

- A 36 000 unit
- B 42 000 unit
- C 56 000 unit
- D 60 000 unit

15. Rajah berikut menunjukkan strategi campuran pemasaran.



Pernyataan manakah yang berkaitan dengan unsur yang bertanda Q?

- A. Barang mestilah dipasarkan dengan segera
- B. Barang mestilah memenuhi keperluan pengguna
- C. Barang mestilah mampu bersaing di pasaran
- D. Barang mestilah diperkenalkan kepada pengguna


16. Maklumat di bawah berkaitan faktor luaran yang menjadi ancaman kepada sesebuah syarikat.

- Tenaga solat lebih mesra alam dan bersih
- Penggunaannya lebih murah berbanding sumber tenaga lain

Apakah faktor luaran tersebut?

- A. Teknologi
- B. Politik
- C. Ekonomi
- D. Ekologi

17. Rajah di bawah berkaitan dengan peringkat pengurusan.




Siapakah yang terlibat di peringkat Y dan Z?

	Y	Z
A	Ketua Pegawai Eksekutif	Pengarah Urusan
B	Pengurus Pemasaran	Penyelia Pengeluaran
C	Penyelia Pengeluaran	Pengurus Pemasaran
D	Pengarah Urusan	Ketua Pegawai Eksekutif

18. Pasangan manakah yang betul berkaitan dengan persekitaran perniagaan?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Pengeluaran	Sumber manusia
B	Politik dan perundangan	Ekonomi
C	Masyarakat	Persaingan dan jaringan
D	Pemasaran	Politik dan perundangan

19. Carta pai di bawah berkaitan kadar peratusan syer pasaran bagi pengeluar produk pizza di negeri Pahang.



Antara pernyataan yang berikut manakah benar?

- I. Pizza King menguasai syer pasaran sebanyak 25%
 - II. Pizza Hut memperolehi keuntungan yang paling rendah
 - III. Pizza Best adalah pesaing yang paling kuat kepada Pizza Dominos
 - IV. Pizza Dominos adalah pemimpin pasaran bagi pengeluar pizza di negeri Pahang
-
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

20. Rajah menunjukkan sejenis saluran agihan.

Pengeluar → Pengguna

Aktiviti manakah yang menggunakan saluran agihan ini?

- A. Rahim menggunting rambut di Kedai Gunting Sahabat
- B. Nizar membeli polisi insurans hayat daripada Syarikat Kurnia
- C. Hafiz mendapatkan barang keperluan di Pasar Raya u-Mart
- D. Syaiful menghantar pizza keluarannya di stesen minyak Shell

21. Pernyataan manakah tepat tentang stok bergerak perlahan?

- A. Stok yang perlu ditempa dengan kerap
- B. Mudah dijual kerana stok berharga murah
- C. Stok berisiko ketinggalan zaman jika tidak laku
- D. Permintaan stok oleh pelanggan adalah tinggi

22. Apakah tujuan Syarikat Perabot Kreatif menjalankan penyelenggaraan berkala ke atas mesin-mesin dan peralatan mereka?

- A Menukar mesin dan peralatan yang lama kepada baharu
- B Memastikan operasi kilang berjalan lancar mengikut jadual
- C Menghentikan proses pengeluaran apabila berlaku kerosakan
- D Menjual mesin dan peralatan kepada syarikat pesaing

23 Gambar di bawah ini menunjukkan logo satu badan kerajaan.



Apakah peranan badan tersebut?

- A Meluluskan undang-undang berkaitan harta intelek
- B Menguruskan pendaftaran harta intelek di Malaysia
- C Menggalakkan pembentukan untuk menghasilkan reka cipta
- D Menyediakan kemudahan untuk menghasilkan harta intelek

24. Encik Aizat dan Encik Afiq mahu menujuhkan syarikat persendirian. Mengapa mereka perlu membuat permohonan carian nama syarikat?

- A Untuk mengelak daripada menggunakan nama syarikat yang telah muflis
- B Mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang sama
- C Untuk mencari nama syarikat yang lebih bercirikan tempatan
- D Memastikan nama yang dipilih mudah diingati pengguna

25. Pernyataan di bawah adalah mengenai Encik Syahid.

Beliau telah menggunakan kenderaan syarikat bertujuan untuk membawa anak-anaknya melancang ke negeri Melaka tanpa mendapat kelulusan dan kebenaran pihak pengurusan syarikat.

Apakah jenis kesalahan yang dilakukan oleh beliau?

- A Ingkar arahan tanpa sebab kukuh
- B Salah guna aset syarikat
- C Pecah amanah
- D Rasuah

26. Antara yang berikut, manakah yang merupakan komponen Penyata Pendapatan?

- I Kunci Kira-Kira
 - II Akaun Untung Rugi
 - III Akaun Perdagangan
 - IV Penyata Aliran Tunai
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27. Manakah yang merupakan nisbah kecekapan?

- A Pulangan atas modal
- B Margin untung kasar
- C Pusing ganti stok
- D Nisbah semasa


28. Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri lokasi yang sesuai?

- A Mempunyai sewa premis yang mahal
- B Berdekatan dengan pesaing
- C Bersebelahan dengan kawasan perkilangan
- D Mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap

29. Situasi manakah menunjukkan ciri-ciri usahawan?

- A Encik Fikri menjual pelbagai jenis barang di kedai runcitnya
- B Puan Amira menjual produknya untuk pasaran domestik dan antara bangsa
- C Encik Roland mengurus restoran makanan lautnya selama 10 tahun
- D Puan Vila mengeluarkan produk kecantikan untuk kegunaan harian

29. Rajah menunjukkan prosedur mengurus sumber fizikal?



Apakah prosedur P?

- A. Membeli polisi insurans
- B. Memasang alat pemadam api
- C. Menyediakan jadual pemeriksaan mesin secara berkala
- D. Membaik pulih peralatan teknologi maklumat dan komunikasi

30. Mengapakah bank mengkehendaki usahawan yang memohon pinjaman menyediakan Proforma Penyata Aliran Tunai?

- A. Menunjukkan keupayaan menjelaskan balik pinjaman
- B. Membantu mengelakkan penyelewengan perniagaan
- C. Menjamin perniagaan membayar balik pinjaman
- D. Mengelakkan pembaziran wang pinjaman

31. Pernyataan yang manakah berkaitan sumber pembiayaan luaran iaitu overdraf?

- A. Pendahuluan kepada pemilik kad kredit
- B. Kaedah pengiraan faedah secara kadar tahunan
- C. Kemudahan diberi kepada pemegang akaun semasa
- D. Pemohon perlu mengemukakan penjamin dan cagaran


32. Antara berikut, manakah sumber dalaman berbentuk keuntungan yang diperoleh daripada hasil pelaburan.

- A. Overdraf
- B. Pajakan
- C. Rizab
- D. Syer

33. Antara berikut, manakah kelemahan sumber pembiayaan luaran jika diperolehi dari agensi kerajaan?

- A. Faedah yang tinggi
- B. Persaingan yang sengit
- C. Tertakluk kepada syarat pinjaman
- D. Penjamain dan cagaran diperlukan

34. Maklumat berikut berkaitan kaedah promosi.



Apakah M?

- A. Publisiti
- B. Pemasaran
- C. Pengiklanan
- D. Promosi jualan


35. Encik Zolkhairi membuat pembelian serbuk kari sebanyak 100 kotak secara tunai dengan Perniagaan D'Babas Sdn. Bhd. Di bahagian manakah maklumat tersebut perlu direkodkan dalam Penyata Aliran Tunai?

- A. Belanja utiliti
- B. Jualan tunai
- C. Belian tunai
- D. Ekuiti pemilik

36. Mengapakah pemilihan lokasi perniagaan yang sesuai penting untuk kejayaan usahawan?

- A. Memudahkan aktiviti promosi dilakukan
- B. Meminimumkan kos penyewaan premis
- C. Memaksimumkan jualan dan keuntungan
- D. Meyakinkan pihak bank memberi pinjaman

37. Rajah di bawah berkaitan dengan jenis sumber teknologi.



Apakah X?

- A Harta modal
- B Harta intelek
- C Pekerja yang cekap
- D Perisian teknologi

38. Antara yang berikut, faktor manakah yang perlu dipertimbangkan oleh usahawan sebelum menetapkan harga? (t5 m/s185)

- I. Sasaran pasaran
 - II. Kos pengeluaran
 - III. Permintaan pengguna
 - IV. Penawaran pengguna
-
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

Soalan 39 – 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

39. I MARA memberi pembiayaan kepada peniaga bumiputera.

II CGC memberi pembiayaan membeli tanah atau jentera kepada petani

40. I Kelebihan sumber pembiayaan luaran ialah pinjaman tidak dikenakan faedah

II Overdraft ialah sejenis pembiayaan luaran

Kertas Soalan Tamat